

**MALAM PENGHARGAAN JAWATANKUASA AKTIVITI KEMAS,  
PELANCARAN 'RISDA SEED' DAN MENANDATANGANI MOU  
TISU KULTUR RISDA/MPOB**

**TARIKH: 4 MAC 2008**

**MASA : 8.30 MALAM**

**TEMPAT: DEWAN BANKUET,  
BANGUNAN MBSA, SHAH ALAM**

**1. USAHA-USAHA UNTUK MENINGKATKAN PRODUKTIVITI  
KEBUN PEKEBUN KECIL**

Mulai tahun 2003, RISDA telah diminta untuk meningkatkan usaha untuk penambahbaikan pengurusan dan peningkatan produktiviti kebun di bawah program pemindahan teknologi. Usaha-usaha yang telah di ambil oleh RISDA termasuk:

**i. Pendekatan Pemantauan 3:3:1:3**

Tujuan utama pendekatan seumpama ini adalah untuk memastikan:

- a. Kebun getah muda dapat mengeluarkan hasil dalam tempoh 4½ tahun.
- b. Kebun getah matang dapat mengeluarkan hasil tidak kurang 2,000 kg/hek/tahun.
- c. Kebun yang menyertai program tanam semula dalam melaksanakan aktiviti integrasi dengan tanaman kontan atau tanaman makanan yang lain sehingga mampu

kebunnya menambahkan pendapatan ke tahap tidak kurang RM400 sebulan.

- d. Tanaman sawit muda dapat mengeluarkan hasil dalam tempoh 2½ tahun. Manakala untuk sawit matang dapat mengeluarkan hasil tidak kurang 20 mt/hek/tahun.

## **ii. PENUBUHAN KELAB 2,000 KG. DAN 30 MT.**

Bermula pada tahun 2007, RISDA telah menubuhkan kelab 2,000 kg/hek/tahun untuk getah dan 30 mt/hek/tahun untuk sawit. Tujuan penubuhan kelab seumpama ini adalah untuk menggalakkan pekebun kecil berusaha dengan gigih untuk memastikan mereka mengamalkan pertanian yang baik (good agricultural practices). Kebun mereka dalam keadaan yang bersih, pokok sentiasa dibaja. Kebun-kebun yang ditoreh juga akan mengamalkan penggunaan alatan rangsangan yang telah disyorkan.

Setakat ini, seramai 1,716 orang pekebun kecil telah menjadi ahli kelab dengan penghasilan kebun melebihi 2,000 kg/hek/tahun untuk getah. Manakala untuk sawit, seramai 81 orang telah menjadi ahli kelab 30 mt/hek/tahun. Pada tahun 2008, RISDA mensasarkan seramai 2,500 orang pekebun kecil akan menjadi kelab tersebut.

### **iii. PELAKSANAAN IMPIAN 500**

Mulai tahun 2008, RISDA telah mewajibkan kepada semua pekebun kecil yang akan menanam semula kebun mereka dengan tanaman getah dikehendaki menanam pokok getah dengan bilangan melebihi 550 pokok setiap hektar. Tindakan seumpama ini penting bagi memastikan supaya kebun-kebun tersebut mengadungi bilangan pokok tidak kurang daripada 500 pokok ketika mula membuka tapak torehan atau bila dibayar bantuan terakhir.

Jika berlaku kekurangan dalam tempoh tersebut, RISDA akan membantu pekebun kecil supaya menyulam pokok yang mati dengan pokok yang lain. Bilangan pokok getah dalam sesebuah kebun penting kerana ia menjadi salah satu faktor penentu kepada jumlah produktiviti atau pengeluaran yang dihasilkan oleh sesebuah kebun berkenaan.

### **iv. PELAKSANAAN KURSUS FORMAL DAN 'IN-FORMAL'**

Untuk meningkatkan pembangunan modal insan, Pengurusan RISDA telah memberi penekanan supaya setiap PPR kawasan dikehendaki mengendali dan melaksanakan kursus '*in-formal*' kepada pekebun kecil di kawasan masing-masing. Manakala untuk kursus formal teknikal, setiap Pusat Tanggungjawab dikehendaki melaksanakan sekurang-kurangnya 2 kali sebulan. Tujuan kedua-dua kursus seumpama ini adalah untuk

memastikan pekebun kecil mendapat ilmu dan pengetahuan yang berguna dalam urusan pengurusan kebun dan juga dalam bidang pembangunan minda agar mereka menjadi pekebun kecil yang maju.

Mulai tahun 2008, kekerapan kursus formal teknikal telah ditingkatkan bilangannya. Setiap PPR kawasan telah diminta untuk melaksanakan sekurang-kurangnya 6 kali kursus formal teknikal setahun.

## **2. PELAKSANAAN KAEDAH PEMASARAN SECARA ‘SUPER DEALER’**

YB Menteri memberi perhatian yang serius dalam urusan pemasaran komoditi getah dan sawit. RISDA diminta memberi penekanan kepada jualan secara kelompok. Depo pembelian getah yang dibina dengan menggunakan peruntukan di bawah Program Peningkatan Produktiviti (PPG) merupakan peringkat pertama untuk mengwujudkan jualan getah secara berkelompok.

Getah-getah pekebun kecil daripada projek-projek berkumpulan dikumpul di depo-depo belian yang urusan jualan dilakukan secara tender. Koperasi Pekebun Kecil Negeri atau Daerah (KPK) atau RPSB boleh memainkan peranan dalam urusan belian getah atau sawit pekebun kecil. Produk-produk

berkenaan kemudian dikumpulkan di pusat-pusat timbang dan setor yang berhampiran yang kebanyakannya dibina di kawasan-kawasan yang banyak bertanam getah atau sawit. Dengan kuantiti produk yang banyak, KPK atau RPSB boleh berurusan terus dengan kilang getah atau sawit. Urusan pemasaran seumpama ini akan mewujudkan '**super dealer**' dari kalangan KPK atau RPSB.

- i. "**Super Dealer**" adalah bagi membasmi orang tengah dalam pemasaran getah dan sawit.
- ii. Buat permulaan '**super dealer**' dilaksanakan di Negeri Sembilan, Pahang dan Johor.

**iii. PROGRAM PPPH UNTUK KEMUDAHAN PEKEBUN KECIL MEMASARKAN HASIL KOMODITI**

Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM8 juta untuk melaksanakan Program Pembangunan Pemasaran Hasil (PPPH) di bawah RMK 9. Ada dua komponen utama dalam pembangunan PPPH, iaitu Pusat Timbang dan Setor (PTS) dan Pusat Pengeluaran Produk Pekebun Kecil (PPPK). Kedua-dua pusat tersebut memberi kemudahan kepada pekebun kecil secara berkumpulan untuk memasarkan hasil.

Memalui PTS, cara jualan getah boleh dilaksanakan secara kelompok dan pemasarannya diaturkan melalui sistem tender. Dengan cara ini pekebun kecil akan mendapat harga yang lebih

baik. Untuk produk-produk lain, PPPK boleh digunakan sebagai tempat untuk mengumpulkan produk berkenaan sebelum ianya dipasarkan.

### **PEMBEKALAN BENIH SECARA LEBIH BERKESAN**

RISDA telah merancang dan melaksanakan penyediaan benih melalui tapak semaian *transit* dan *in-situ* yang kedudukannya jauh daripada tapak semaian pusat. Tumpuan diberikan kepada kawasan yang banyak bertanam dengan getah. Dengan cara ini akan dapat mengurangkan kos penyediaan benih dan secara langsung akan dapat mengurangkan harga benih kepada pekebun kecil. Tapak semaian seumpama itu juga akan memberi kemudahan kepada pekebun kecil untuk mendapatkan benih sulaman atau gantian dan keperluan lain yang kuantitinya tidak banyak.

### **3. DASAR-DASAR BARU UNTUK PEKEBUN KECIL**

Pada akhir tahun 2005, '*Jawatankuasa Kabinet Mengenai Cara-Cara Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Komoditi (JKMPPK)*', beberapa keputusan telah dibuat dan pekebun-pekebun kecil akan menerima faedah sepertimana berikut:

- i. Geran sebanyak RM9,803,392.00 bagi pekebun kecil yang memiliki kebun 2.50 hektar dan ke bawah yang terlibat dengan Tanam Semula getah ke Tanaman Lain

- (TSGL) di antara tahun 2002 hingga 2003 seluas 2,204.00 hektar dengan kadar RM4,448.00 sehektar;
- ii. Pemulangan wang ses berjumlah RM49,592,500.00 bagi pekebun kecil yang memiliki kebun seluas 5.00 hektar dan ke bawah yang terlibat dengan TSGL diantara tahun 2001 hingga 2003 seluas 19,837.00 hektar dengan kadar RM2,500.00 sehektar; dan
  - iii. Pemulangan wang ses berjumlah RM31,897,500.00 bagi pekebun kecil yang memiliki kebun seluas 5.00 hektar dan ke bawah yang terlibat dengan TSGL di antara tahun 2004 hingga 2005 seluas 12,759.00 hektar dengan kadar RM2,500.00 hektar; dan
  - iv. Bayaran pemulangan wang ses kepada pekebun kecil yang memiliki kebun seluas 5.00 hektar hingga 40.80 hektar yang terlibat dengan TSGL sejak tahun 2001 tertakluk kepada keluasan maksimum 5,000 hektar setahun melibatkan pembayaran pemulangan wang ses maksimum RM12.50 juta setahun.

Pada 23 April 2007, Jawatankuasa juga telah menimbang dan meluluskan perkara-perkara berikut:

- i. Menaikkan kadar bantuan tanam semula getah ke lain tanaman (**TSGL**) daripada RM4,448.00 sehektar kepada RM6,000.00 sehektar.
- ii. Memperluaskan skop program tanam semula dengan membenarkan pembangunan tanam kosong sehingga ke

paras 30% yang akan dibangunkan dalam projek berkumpulan. Bantuan yang disediakan ialah sebanyak RM4,500.00 sehektar untuk tanaman getah dan RM3,500.00 sehektar untuk tanaman lain daripada getah. Sementara baki peruntukan sebanyak RM2,500.00 sehektar untuk setiap jenis tanaman adalah dibiayai melalui pinjaman yang tidak dikenakan faedah.